

# Petunjuk baharu ukur tahap kos sara hidup hingga peringkat daerah

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perangkaan (DOSM) akan membangunkan petunjuk baharu bagi mengukur tahap kos sara hidup rakyat sehingga ke peringkat daerah, sekali gus membantu kerajaan merangka pelaksanaan program yang lebih tepat dan berkesan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perkara itu diputuskan pada Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan beliau di Parlimen, kelmarin.

Beliau berkata, ahli mesyuarat NACCOL membincangkan

secara terperinci beberapa perkara terkait kos sara hidup rakyat, khususnya berkaitan isu harga dan ketersediaan bekalan beras dalam negara.

“Beberapa mekanisme jangka pendek telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

“Saya turut tekankan keperluan penguatkuasaan berterusan bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan atas peluasan skop dan perubahan kadar cukai perkhidmatan yang dilaksanakan ke atas beberapa perkhidmatan terpilih sahaja.

“Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melancarkan pemeriksaan khas di bawah Ops Kesan bermula 1 Mac lalu bagi memastikan peniaga tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya,” katanya menerusi perkongsian di Facebook.